

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL
(SUNGAI PETANI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 30.03.2015

Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- a. senaraikan aset milik 1MDB terkini; dan
- b. semua hutang dalam negeri dan luar negara dalam bentuk apa pun jua hingga 1 Januari 2014.

JAWAPAN

Jumlah aset terkumpul 1MDB pada tahun kewangan berakhir 31 Mac 2014 adalah sebanyak RM51.4 bilion. 1MDB mempunyai kedudukan aset-aset yang kukuh, antaranya tanah untuk pembangunan Tun Razak

Exchange bersaiz 70 ekar, Bandar Malaysia di Kuala Lumpur yang bersaiz 495 ekar, tanah di Pulau Pinang seluas 234 ekar dan di Pulau Indah seluas 310 ekar serta 13 loji jana kuasa dan penyahgaraman (*desalination*, dengan izin) di lima buah Negara yang mempunyai kapasiti penjanaan tenaga bersih sebanyak 5594 MW.

2. Jumlah liabiliti 1MDB pada tahun kewangan berakhir 31 Mac 2014 pula adalah sebanyak RM49 bilion, sepertimana terdapat dalam laporan kewangan 1MDB yang diaudit oleh Firma Deloitte.

NO SOALAN : 27

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI
PANGLIMA ANNUAR BIN MUSA
(KETEREH)**

**TARIKH : 30.3.2015
(ISNIN)**

SOALAN:

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah
Kementerian bercadang untuk membaiki dan menaik taraf
kemudahan kediaman dan lain-lain bagi Kem Desa Panlawan
di Parlimen Ketereh.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kemudahan kediaman dan lain-lain di Kem Desa Pahlawan telah dimasukkan dalam perancangan untuk dibaiki dan dinaik taraf pada tahun ini. Sebanyak 11 blok kediaman lama berkapisiti 320 unit kediaman 2 bilik akan dirobohkan dan diganti dengan 10 blok kediaman baru 3 - bilik dengan kapisiti 384 unit kediaman.

Selain itu, beberapa fasilitas kemudahan akan turut dibina yang merangkumi:

- a. Taman permainan kanak-kanak;**
- b. Kemudahan tempat letak kenderaan; dan**
- c. Kemudahan sukan.**

Pembangunan ini merupakan sebahagian daripada perancangan Tentera Darat (TD) dalam meningkatkan kualiti hidup warga TD sejajar dengan hasrat dan keprihatinan pihak kerajaan dalam menyediakan kediaman yang selesa dan mengikut kelayakan bagi warga TD di Kem Desa Pahlawan, Kelantan.